

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

SEPTEMBER 2001

RPK 532 – PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Menurut Friedmann, jurang di antara ilmu (*knowledge*) dengan tindakan (*action*) menimbulkan pelbagai krisis dan permasalahan dalam perancangan. Bincangkan **TIGA** penyebab kepada krisis ini dalam konteks jurang ilmu-tindakan.

(b) Hamilton berpendapat “Ahli politik sebagai wakil rakyat harus fokus kepada matlamat am dasar-dasar (nilai) dan cara pelaksanaannya harus dimandatkan kepada pakar yang berkemahiran (fakta)”. Bincangkan pendapat anda tentang hal ini dan pendirian seorang perancang dalam situasi ini.

(25 markah)
2. Bincangkan implikasi pembangunan sekiranya pendekatan yang diambil lebih mirip kepada teori neoklasikal. Bincangkan kebaikan dan kelemahan pendekatan ini.

(25 markah)
3. Dengan proses globalisasi, pengaliran tenaga buruh (mahir dan tidak mahir) menjadi lebih mudah, tanpa mengenal sempadan antara negara. Bincangkan fenomena penghijrahan buruh asing ke Malaysia dengan menggunakan salah satu pendekatan pembangunan. Bincangkan juga bagaimanakah situasi ini berlaku dan apakah corak semasa yang dapat diperhatikan.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

4. Bincangkan apakah syarat-syarat dan keadaan yang dapat membantu pelaksanaan dasar, program, projek pembangunan dengan jayanya di negara yang sedang membangun.

(25 markah)

5. Persoalan kemasyarakatan perlu diambil kira dalam perancangan sesuatu projek awam. Bincangkan mengapa ini perlu?

(25 markah)

6. Hurai dan bincangkan pertimbangan dan perhubungan penting yang perlu diambil kira dalam proses penilaian projek sebelum pelaksanaannya.

(25 markah)

-ooo00ooo-